

Bekas Timbalan Presiden MIC Dijangka Keluar Dari ICU Tidak Lama Lagi
Bernama
14 November , 2011

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Bekas timbalan presiden MIC Datuk S. Subramaniam yang menjalani pembedahan otak dijangka keluar dari unit jagaan intensif (ICU) Pusat Perubatan Pantai (PMC) di sini dalam tiga atau empat hari lagi.

R Balakrishnan, bekas setiausaha beliau yang juga kawan rapatnya, berkata jika kesihatan Subramaniam bertambah baik, doktor akan memindahkan beliau ke wad biasa.

"Setakat ini doktor mengesahkan beliau (Subramaniam) belum sedarkan diri, tetapi keadaannya stabil dan beliau telah mula bernafas sendiri tanpa bantuan mesin pernafasan," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini, Isnin.

Balakrishnan berkata rakan-rakan pemimpin veteran MIC itu dan anggota MIC, ahli-ahli politik dan pemimpin masyarakat terus menziarahi beliau walaupun beliau dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Subramaniam, juga bekas seorang timbalan menteri menjalani pembedahan otak selama lima jam yang selesai pada 2.00 pagi semalam.

Sebelum itu pada malam hari Jumaat, beliau sendiri ke Hospital Assunta di Petaling Jaya selepas mengalami masalah kesihatan dan kemudian dipindahkan ke PMC pada pagi berikutnya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626840>